



DISINI...sebahagian penduduk menunjukkan jalan utama yang terputus hubungan, semalam.

Empangan pecah 257 penduduk terpaksa pindah

SHAH ALAM: Seramai 257 penduduk daripada 60 keluarga di Kampung Lombong dan Jaya Sepakat, di sini terpaksa dipindahkan berikutan empangan di Sungai Klang berdekatan kampung berkenaan pecah kira-kira jam 7 malam kelmarin.

Kejadian itu menyebabkan air naik melebihi 1.5 meter manakala beberapa rumah turut ditenggelami air mencecah paras bumbung yang merupakan banjir kilat terburuk dalam tempoh 20 tahun.

Mangsa, Khairul Nasron, 33, mendakwa kerugian be-

sar apabila lebih 600 ternakan ayam kampungnya yang diletakkan di dalam tiga sangkar utama mati dalam banjir kilat yang didakwanya berlaku terlalu pantas.

Dia juga mendakwa, banjir bermula malam kelmarin adalah kali ketujuh melanda kediamannya yang terletak hanya kira-kira 30 meter dari kawasan bekas lombong pasir.

"Kali ini banjir lebih buruk menyebabkan saya tidak dapat menyelamatkan lebih 600 ayam kampung yang dipelihara," katanya ketika ditemui semalam.